

PM rasmi pelancaran bulan PDPN kebangsaan

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual merasmikan pelancaran bulan daya pengeluaran kebangsaan di Dewan Laksamana, Hotel Dayang, Petaling Jaya malam esok.

Di samping merasmikan majlis yang diadakan itu, Perdana Menteri juga akan memperkenalkan 'mascot' daya pengeluaran yang berupa lambang haiwan untuk bulan November.

Mascot yang akan diperkenalkan itu berupa haiwan yang mempunyai sifat-sifat yang boleh membawa erti besar dalam bidang pengeluaran negara.

Sempena pelancaran bulan daya pengeluaran, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) juga mengadakan pameran buku untuk orang ramai pada sebelah petangnya bermula jam enam petang hingga 10 malam.

Pameran itu mengaitkan tiga buah syarikat pengeluar dan penjual buku yang bekerjasama dengan PDPN untuk menyerikan lagi majlis pelancaran itu.

Tetamu kehormat yang dijangka hadir di majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauden, ketua-ketua jabatan kerajaan dan pengarah-pengarah urusan sektor swasta.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia